

BAB 5

PENUTUP

Bab terakhir ini dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama mengemukakan kesimpulan terhadap kajian secara keseluruhan. Bahagian kedua pula mengandungi cadangan-cadangan atau saranan-saranan yang relevan dan perlu ke arah mempertingkat dan memperbaiki keupayaan institusi dakwah sama ada dari sudut pengurusan organisasi mahupun dari sudut pendekatan dakwah. Cadangan-cadangan ini diharap dapat diguna pakai sama ada oleh IF sendiri ataupun oleh lain-lain institusi dakwah ke arah mencapai matlamat dakwah.

5.1 Kesimpulan

Kedatangan masyarakat Islam di Britain terutamanya pada tahun 1960-an telah mencorakkan satu entiti dan budaya baru di negara tersebut, iaitu entiti dan budaya masyarakat Islam. Entiti dan budaya ini antara lainnya banyak dipengaruhi dan dicorakkan oleh institusi Islam kerana masyarakat dan institusi Islam merupakan dua perkara yang saling berkait rapat dan sinonim. Kewujudan institusi Islam di peringkat awal di Britain adalah lebih tertumpu kepada dua perkara besar. Pertama ialah memberi tumpuan kepada masalah survival umat Islam dan yang kedua ialah menyediakan pendidikan untuk generasi Islam. Di peringkat awal masjid merupakan institusi dakwah yang utama. Contohnya ialah penubuhan Masjid Woking. Dengan jumlah penduduk Islam yang semakin ramai yang bermula pada tahun 1960-an, lahir pula institusi Islam yang bersifat pertubuhan atau persatuan

dengan pelbagai nama. Lanjutan dari lahirnya pelbagai institusi dakwah, agenda mereka tidak hanya ditumpukan kepada masalah survival masyarakat Islam, tetapi mula memberi perhatian terhadap kegiatan dakwah dalam konteks lebih global, iaitu terhadap non-Muslim. Beberapa institusi telah mengambil langkah ini seperti ICC dan UKIM.

Institusi Islam menjadi mekanisme penting kepada penyebaran dan perkembangan dakwah di Britain. Usaha-usaha dakwah institusi Islam bagaimanapun tidak terlepas daripada menghadapi cabaran dan halangan. Terdapat beberapa cabaran besar dakwah di Britain yang terpaksa dihadapi oleh institusi dakwah. Pertama, masalah Islam yang seringkali dikaitkan dan ditanggapi sebagai agama fundamentalis, radikal dan ekstremis. Ini ditambah pula dengan pendekatan beberapa institusi Islam yang dianggap radikal dan kontroversi seperti MP dan Hizbu al-Tahrir. Kedudukan negara Britain yang mempunyai masyarakat majmuk juga boleh dianggap antara cabaran yang terpaksa dihadapi oleh institusi Islam dalam dakwah.

Cabaran dan situasi yang ada ini memerlukan kepada pendekatan yang bijaksana dan efektif ke arah menghakis tanggapan berat sebelah terhadap Islam tersebut. Ini dapat dicapai antaranya ialah dengan memperlihat dan menonjolkan Islam sebagai agama praktikal, harmonis dan dinamis. Dalam konteks ini, penubuhan IF pada tahun 1973 boleh dilihat sebagai antara usaha merealisasikan matlamat ini. Sehubungan dengan itu, IF telah mengambil langkah dengan merangka dan menyusun pelbagai program untuk mencapai aspirasi tersebut.

Kajian ini mendapati IF telah memainkan peranannya sebagai sebuah institusi dakwah. Peranan ini telah dilaksanakan secara berkesan melalui pengurusan organisasi yang terancang dan pendekatan dakwah yang praktikal, sesuai dan relevan dengan konteks masyarakat di Britain sama ada Muslim mahupun non-Muslim. Kedua-dua aspek ini, iaitu pengurusan organisasi dan pendekatan dakwah berperanan besar dalam menentukan keberkesan dan kejayaan dakwah.

Dari sudut pengurusan organisasi, pembahagian dua jawatankuasa, pentadbiran dan akademik yang berfungsi dalam bidang kuasa masing-masing serta wujudnya unit-unit yang bertanggungjawab menyelaras perjalanan sesuatu program yang dirancang telah membantu kerja-kerja dilakukan secara cepat, efektif dan efisien. Pengurusan organisasi dakwah secara cepat, efektif dan efisien ini adalah selaras dengan semangat yang dianjurkan oleh al-Qur'an sepertimana firman Allah:

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْأَذِينَ يُقْدِرُونَ فِي سَبِيلِهِ، صَفَّا كَانُوهُمْ بِنَيَّدِنَ مَرْضُوقٌ

Maksudnya:

“Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berperang untuk membela Ugamanya dalam barisan yang teratur rapi, seolah-olah sebuah bangunan yang tersusun kukuh”

Terjemahan Surah al-Saff (61):4.

Dari sudut pendekatan dakwah pula, IF telah berperanan mengikut pengarahan objektif penubuhannya. Kajian ini berpendapat, IF telah memainkan peranannya dalam konteks dakwah melalui beberapa bidang yang boleh dianggap bidang utama bagi institusi ini, iaitu penyelidikan, pendidikan dan latihan,

penerbitan, dialog, seminar dan ceramah, hubungan dengan pihak berkaitan sama ada bersifat individu mahupun organisasi dan lain-lain bidang sampingan seperti ceramah umum dan usaha kebajikan.

Melalui bidang-bidang ini IF dari semasa ke semasa telah merancang, mengatur, menyusun dan melaksanakan pelbagai program. Dalam bidang penyelidikan contohnya, IF telah melakukan penyelidikan sama ada oleh kakitangan IF sendiri ataupun menjemput felo penyelidik melakukan kajian tertentu yang boleh memberi sumbangan kepada dakwah. Program seperti CAT yang bertujuan memupuk kefahaman Islam seterusnya membetulkan persepsi kurang menyenangkan non-Muslim terhadap Islam. Sementara itu program untuk saudara baru melalui NMP dan penubuhan MIHE adalah antara usaha IF dalam bidang pendidikan dan latihan.

Penerbitan buku-buku, artikel, jurnal dan buletin dalam pelbagai bidang seperti ekonomi Islam, buku kanak-kanak, Islam di Eropah dan lain-lain melambangkan IF mempunyai komitmen serius menyebarkan Islam melalui kaedah penerbitan. Tidak ketinggalan juga, dakwah melalui bidang penerbitan ini telah diusahakan IF melalui kaedah audio-visual. Bahan-bahan yang diterbitkan ini tidak dipendam sebagai koleksi simpanan semata-mata, malah usaha-usaha memasarkan telah dilancarkan dengan menjualnya secara langsung atau melantik agen-agen penjual buku sama ada di dalam dan di luar Britain.

Dakwah juga telah dilaksanakan melalui usaha-usaha dialog dan penganjuran seminar dan ceramah. Penubuhan Inter-Faith Unit dan penglibatan IF

dalam National Inter-Faith Network adalah bukti kepada usaha dalam bidang dialog. Penganjuran seminar dan ceramah dalam berbagai topik dan pelbagai sasaran pula telah memberi peluang dan kesempatan kepada IF menyalurkan kefahaman dan pemikiran Islam secara berterusan. Kedua-dua perkara ini telah memberi satu platform penting kepada IF dalam usahanya menangkis label-label negatif non-Muslim terhadap Islam seperti fundamentalis, dalam masa yang sama membina imej Islam yang baik di kalangan non-Muslim.

Dakwah juga perlu dilakukan dengan membina hubungan baik dengan pelbagai pihak. Mnyedari kepentingan ini, IF telah berusaha membina hubungan dengan pihak-pihak berkaitan sama ada di peringkat individu maupun institusi, dalam maupun luar Britain. Kunjungan ke institusi-institusi tertentu seperti Kementerian Pertahanan dan penerimaan delegasi yang melawat IF dari pelbagai negara dengan misi tertentu seperti Malaysia, Maldives dan sebagainya telah memberi sumbangan kepada kepentingan Islam dan dakwah. Perkara ini diakui sendiri oleh Perdana Menteri Britain, Tony Blair yang menyatakan bahawa IF telah memberi sumbangan kepada masyarakat dalam memahami Islam dan membantu kepada usaha pembinaan masyarakat di Britain yang harmonis¹.

Secara keseluruhannya, kajian ini merumuskan bahawa aktiviti dan program yang telah dirangka dan dilaksana IF dalam bidang-bidang tersebut telah menunjukkan bahawa IF telah berperanan sebagai sebuah instititusi dakwah. Ia

¹*The Islamic Foundation Newsletter*, Jun 2000. No.17, h.8.

telah berperanan melaksanakan objektif yang telah digariskan khususnya dalam rangka membina imej positif Islam dengan menterjemahkan Islam sebagai agama praktikal atau dengan lain perkataan *Makes Islam a Living Reality*.

Kajian ini hanya melihat IF dari sudut peranannya dalam melaksanakan dakwah. Dengan ini adalah dicadangkan agar kajian-kajian akan datang memberi fokus kepada keberkesanan program yang dilaksanakan oleh IF.

5.2 Cadangan

Hasil kajian yang telah dilakukan terhadap peranan institusi Islam secara umum dan secara khususnya terhadap IF, kajian ini menemui beberapa dapatan. Dapatan ini cuba dikemukakan sebagai cadangan yang boleh dilaksanakan dalam konteks dakwah oleh institusi berkaitan termasuklah IF. Cadangan ini ialah seperti berikut:

1. Pengurusan organisasi yang terancang.

Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, bahawa pengurusan organisasi adalah aspek penting yang membantu kejayaan gerakan dakwah. Sehubungan dengan itu, institusi dakwah perlu mewujud dan memantapkan pengurusan organisasi masing-masing. Pengurusan organisasi yang cekap akan membolehkan dakwah dapat disampaikan secara efisien dan berkesan. Budaya pengurusan yang telah ditunjukkan IF dengan mewujudkan Jawatankuasa Pentadbiran dan Jawatankuasa Akademik yang berperanan mengikut bidang tugas masing-masing boleh dijadikan model oleh lain-lain institusi dakwah.

2. Memantapkan aspek kewangan.

Kewangan perlu dalam menggerakkan kerja-kerja dakwah. Ia boleh membantu melancarkan aktiviti dan program yang dirancang. Islam sendiri menggesa supaya umatnya mengorbankan harta yang ada untuk kepentingan dakwah (lihat ayat-ayat al-Qur'an berkaitan jihad dengan harta benda, contohnya Surah al-Tawbah (9):88). Memandangkan masalah kewangan adalah masalah umum yang dihadapi oleh institusi-institusi Islam, kajian ini mencadangkan supaya institusi dakwah perlu menjana kewangan mereka sendiri tanpa mengharapkan bantuan daripada pihak lain ataupun derma orang ramai. Inisiatif IF yang memperolehi sumber pendapatan melalui sumber wakaf, sewa Dewan Konferen dan asrama dan penjualan buku adalah suatu yang baik dan perlu dicontohi oleh lain-lain institusi dakwah. Mekanisme menjana sumber kewangan boleh diwujudkan untuk tujuan ini. Contohnya, bagi IF ia boleh menubuhkan The Islamic Foundation Holdings. UKIM pula boleh menubuhkan UK Islamic Mission Holding ataupun lain-lain nama yang difikirkan sesuai dan relevan.

3. Mewujudkan penyatuan dan penyelarasan antara institusi dakwah.

Institusi Islam meskipun berbeza latar belakang dan pendekatan perlu bersatu dalam tindakan mereka. Di Britain usaha-usaha ke arah ini telah bermula sejak tahun 60-an dengan penubuhan U.M.O. Namun U.M.O dianggap kurang berjaya dari segi peranannya dalam menyatukan institusi Islam. Penubuhan MCB pada tahun 1997 dianggap titik tolak kepada penyatuan institusi Islam yang lebih mantap. Setakat ini, MCB berjaya menarik sokongan institusi Islam dan berupaya menggembungkan kekuatan

dan keupayaan pelbagai institusi Islam di Britain untuk berjuang bagi mencapai kepentingan masyarakat Islam secara khusus dan seluruh masyarakat secara amnya. Penyatuan ini akan menjadikan institusi Islam dan masyarakat Islam satu force yang kuat dalam memperjuangkan sesuatu isu. Sehubungan dengan itu, perbezaan pendekatan dan aliran pemikiran sepatutnya tidak menjadi penghalang kepada institusi Islam untuk bersatu dalam mencapai matlamat dakwah.

4. Menerokai bidang penyelidikan.

Penyebaran mesej Islam akan dapat dilaksanakan dengan lebih baik dan berkesan jika institusi dakwah bersedia menerokai bidang penyelidikan. Dalam konteks dunia hari ini, soal R&D telah banyak dibincangkan yang menunjukkan bahawa penyelidikan amat perlu bagi mencapai pembangunan dan kemajuan. Ini kerana, kemajuan dan pencapaian sesebuah organisasi banyak dibantu kerana mereka mengambil berat terhadap bidang penyelidikan. Sehubungan dengan itu, institusi dakwah perlu prihatin terhadap usaha-usaha di bidang penyelidikan. Institusi dakwah boleh menjalankan penyelidikan dalam beberapa bidang utama seperti mengkaji masalah dalam dakwah, kelemahan dan kekuatan dari sudut organisasi dan pendekatan dakwah seterusnya mengemukakan pendekatan yang perlu atau problem solvings. Bagi IF, walaupun ada kegiatan penyelidikan yang dijalankan, namun penyelidikan dalam aspek yang tersebut boleh dikatakan tidak ada. Justeru yang penyelidikan dalam bidang yang dicadangkan ini perlu dilaksanakan oleh IF bagi memantapkan lagi institusi tersebut dari sudut organisasi dan pendekatan dakwah.

5. Membanyakkan program dialog.

Program dialog secara teratur dan berterusan hendaklah diusahakan oleh institusi dakwah. Dialog di antara institusi dakwah dengan masyarakat non-Muslim terutamanya dalam konteks masyarakat majmuk boleh berperanan sekurang-kurangnya dalam dua aspek, iaitu:

- a) mengurang dan melenyapkan sikap prejudis non-Muslim terhadap Islam. Melalui dialog ajaran Islam yang sebenar dapat disampaikan secara langsung kepada mereka.
- b) menjadi media dakwah yang efektif seperti yang telah dicapai oleh IF melalui program CAT dan lain-lain program dialog.

Di Malaysia usaha-usaha dialog di antara institusi dakwah dengan non-Muslim sangat kurang. Institusi dakwah di Malaysia lebih memberi fokus kepada masyarakat Islam. Oleh kerana itu, wajar bagi institusi dakwah di Malaysia di samping mendidik masyarakat Islam, turut sama memberi perhatian kepada dakwah terhadap non-Muslim melalui program dialog.

Program dialog boleh diatur sama ada menjemput non-Muslim melawat institusi dakwah atau institusi dakwah sendiri mengambil inisiatif melawat non-Muslim. Melalui program seperti ini, pertukaran fikiran antara kedua-dua belah pihak dapat dilakukan. Non-Muslim wajar diberi kesempatan untuk mengetahui tentang Islam melalui program dialog ini.

6. Mengadakan kursus kefahaman Islam.

Kursus kefahaman Islam ini boleh ditujukan kepada dua kumpulan sasaran sama ada terhadap masyarakat Islam dan non-Muslim. Modul untuk kedua-dua kumpulan ini mestilah berbeza. Kepada masyarakat Islam, modul kursus hendaklah memberi penekanan untuk mempertingkatkan kefahaman Islam di kalangan masyarakat Islam, manakala modul untuk non-Muslim hendaklah memberi perhatian kepada usaha memberi maklumat asas tentang doktrin Islam dengan memperlihatkan keindahan Islam kepada mereka. Institusi Islam perlu menawarkan apa yang non-Muslim perlu tahu tentang Islam. Usaha IF melakanakan Program CAT kepada golongan profesional non-Muslim di Britain wajar dijadikan contoh .

7. Mengelak pendekatan radikal.

Dakwah akan berkembang lebih baik jika institusi dakwah dapat mengelak daripada menggunakan pendekatan yang radikal. Pendekatan radikal boleh memburukkan imej Islam apatah lagi perkembangan di akhir-akhir ini di mana Islam terus dijadikan sasaran dengan dilabel imej ganas. Pendekatan yang digunakan oleh beberapa institusi dakwah di Britain seperti MP dan Hizbu al-Tahrir dianggap radikal dalam boleh merosakkan imej dakwah itu sendiri. Idea Parlimen Muslim oleh MP contohnya dianggap kontroversi, radikal dan tidak sesuai dalam konteks dawah di Britain. Sehubungan dengan itu, institusi dakwah bukan sahaja di Britain tetapi juga di luar Britain perlu mengamal pendekatan dakwah yang sederhana tanpa menggadai prinsip Islam agar *madfu* akan tertarik dengan dakwah. Ini kerana pendekatan radikal akan menjadi faktor penolak untuk masyarakat

menerima Islam. Sebaliknya pendekatan yang moderate dan berhikmah akan menjadi faktor penarik untuk masyarakat menerima Islam.

8. Memanfaat teknologi maklumat.

Perkembangan teknologi maklumat boleh memberi faedah kepada dakwah. Institusi dakwah perlu bijak mengeksplorasi teknologi maklumat untuk kepentingan dakwah. Institusi dakwah perlu mewujudkan sistem maklumat Islam di dalam laman web agar orang ramai boleh mempelajari dan mengetahui Islam melalui internet. Antara maklumat yang boleh dimasukkan dalam laman web ialah mengenai tasawwur Islam agar orang ramai khususnya masyarakat non-Muslim boleh memahami Islam yang sebenar. Tinjauan kajian ini mendapati masih terdapat institusi dakwah di Britain tidak mempunyai kemudahan ini, contohnya MP.

9. Mewujudkan barisan pelapis.

Barisan pelapis yang terdiri daripada generasi muda merupakan aset kepada masyarakat Islam secara umum dan institusi Islam secara khusus. Golongan muda perlu dididik, diasuh, dibimbing dan dibentuk untuk menjadi pemimpin bagi institusi dakwah pada masa akan datang. Kepimpinan institusi dakwah perlu peka tentang hal ini. Terdapat satu fenomena di mana ada beberapa institusi dakwah yang lebih bersifat one man show. Contoh paling jelas ialah MP dan U.M.O. Pemimpin yang ada tidak cuba mengambil dan melatih barisan pelapis yang baru di kalangan pemuda yang boleh menggerak kerja-kerja dakwah secara lebih berkesan dan aktif. MP dan U.M.O akan berkembang lebih maju jika kedua-dua institusi ini bijak

memanfaatkan tenaga muda di Britain. Dalam hal ini, IF telah menunjukkan teladan yang boleh diikuti, di mana terdapatnya gabungan tenaga lama dan baru. Golongan tua membimbing golongan muda dan saling bekerjasama meningkatkan status IF sebagai sebuah institusi dakwah yang berwibawa. Contoh ini bukan sahaja perlu diikuti oleh MP dan U.M.O, tetapi juga oleh mana-mana institusi dakwah.

10. Mewujudkan pusat sumber.

Pusat sumber amat penting bagi institusi dakwah. Pusat sumber ini sekurang-kurangnya boleh menjadi tempat rujukan bagi kakitangan institusi dakwah dalam usaha menambah dan meningkatkan ilmu pengetahuan mereka. Penubuhan pusat sumber secara khusus boleh menjadi pemangkin kepada penyebaran mesej Islam. Dakwah akan lebih berkesan dan cepat berkembang jika budaya membaca dipupuk di kalangan masyarakat. Usaha yang dilakukan IF dengan mewujudkan pusat sumber sendiri yang menjadi pusat rujukan para penyelidik, pelajar dan orang awam perlu diikuti. Walaupun pusat sumber atau perpusatakan IF ini masih mempunyai kekurangan tertentu, tetapi sekurang-kurangnya ia telah menawarkan perkhidmatan rujukan yang berguna kepada para penyelidik, pelajar dan orang ramai yang berminat.

11. Prihatin terhadap aspek kebajikan sosial.

Islam sangat menekankan soal-soal kebajikan. Kerja-kerja kebajikan atau kerja amal adalah termasuk dalam dakwah *bil hal* yang boleh memastikan keberkesanan dakwah. Sehubungan dengan itu, institusi dakwah perlu

melaksanakan dakwah melalui pendekatan ini secara sistematik, penuh komitmen dan berterusan.

Lawatan-lawatan ke penjara, hospital, rumah orang tua-tua, menghulur bantuan kepada yang memerlukan dan sebagainya boleh dilakukan oleh institusi dakwah. Konsep Open Day oleh IF boleh juga dilaksanakan oleh lain-lain institusi dakwah supaya masyarakat akan lebih hampir dengan institusi dakwah. Melalui Open Day misalnya IF telah menyediakan ruang supaya masyarakat mendekati dan mengetahui tentang IF dan dalam masa yang sama mesej Islam dapat disebarluaskan kepada masyarakat melalui pamphlet, buku-buku, risalah, CD-Room dan sebagainya.

12. Melakukan kajian keberkesanahan program dakwah.

Institusi dakwah perlu melakukan kajian untuk mengetahui keberkesan program atau aktiviti yang telah dirancang. Kajian terhadap keberkesanahan program ini perlu dilakukan agar sebarang kelemahan dan kekurangan sama ada dari sudut pengurusan organisasi maupun dari sudut pendekatan boleh diperbaiki dan ditingkatkan.

Dakwah akan dapat disampaikan secara lebih berkesan jika masyarakat Islam diberi ilmu dan kefahaman tentang metodologi dakwah. Punca orang-orang bukan Islam tidak menerima Islam antaranya adalah kerana pendekatan yang menakutkan non-Muslim terhadap Islam. Contohnya, mereka sering ditakutkan dengan beberapa perkara yang

dianggap menjadi faktor penolak kepada mereka untuk menerima Islam seperti soal berkhatan. Justeru itu, institusi dakwah perlu berusaha memahamkan masyarakat Islam tentang keperluan memahami pendekatan dakwah. Kefahaman masyarakat Islam yang jelas tentang Islam dan metode berdakwah yang betul akan memudahkan lagi tugas institusi dakwah.